

**PERLAKSANAAN IBADAH SOLAT FARDHU DI KALANGAN GURU
PELATIH ISLAM MAKTAB PERGURUAN BATU LINTANG**

oleh

Ustazah Hjh. Napisah Hj. Humni
Ustaz Hj. Salehudin Hj. Sabar
Ustaz Mahadi Hj. Khalid
Mohamed Razi Mohd. Suradi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau tahap pelaksanaan ibadah solat fardhu di kalangan guru pelatih Islam. Sampel kajian ini terdiri daripada 80 orang guru pelatih kursus Diploma Perguruan Malaysia semester 2. Kajian ini juga bertujuan untuk meninjau latar belakang pendidikan Al-Quran responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih daripada separuh (65%) mengatakan pendidikan agama dan pengaruh rakan mempengaruhi pelaksanaan ibadah solat fardhu. Dapatan kajian juga menunjukkan faktor beban kuliah dan pengaruh rakan sebagai faktor yang tidak menggalakkan pelaksanaan ibadah solat. Ini menggambarkan bahawa faktor pengaruh rakan amat dominan dalam mempengaruhi pelaksanaan ibadah solat di kalangan responden. Justeru, program-program yang melibatkan program kesedaran dan bimbingan rakan sebaya perlu digerak cergaskan untuk memaknakan penghayatan dan pelaksanaan ibadah solat itu sendiri.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Peristiwa Isra' dan Mikraj Nabi Muhammad SAW telah menemui Tuhannya dan beliau telah menerima kewajiban Solat yang menjadi kemestian bagi Umat Islam. Ibadat Solat merupakan tiang agama sebagaimana Sabda Rasullullah SAW yang bermaksud:

“Solat adalah tiang agama, barangsiapa yang mendirikanannya, maka ia mendirikan agamanya dan barangsiapa yang meninggalkannya, sesungguhnya dia telah meruntuhkan agamanya”.

Di samping itu, ibadat Solat juga dapat mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar sebagaimana firman Allah Taala yang bermaksud:

*“Dan kerjakanlah sembahyang. Sesungguhnya sembahyang itu mencegah perbuatan yang keji dan mungkar”
(al-Ankabut : 45)*

Ciri-ciri keistimewaan Ibadah Solat:

- (i) Diterima amal lain jika ibadah solat diterima
- (ii) Menghilangkan kegelisahan dalam diri seseorang
- (iii) Membersihkan dan menghapuskan diri dari kekotoran dosa
- (iv) Saat yang paling hampir dengan Allah untuk memohon doa

TINJAUAN PENULISAN

Abdul Halim Mahmud (1981). Sembahyang dalam kaca mata Islam ialah tiang agama, siapa yang mendirikan sama seperti mendirikan agama, dan siapa yang meninggalkannya sama seperti merobohkan agama. Perumpamaan sembahyang di dalam hidup seorang Muslim, laksana sungai yang airnya melimpah ruah mengalir hingga ke pintu rumah kamu dan orang itu boleh mandi dari air sungai itu setiap hari lima kali.

Mustafa Masyhur (1987). Kedudukan sembahyang di dalam Agama Islam adalah seumpama kepala pada tubuh manusia. Ia adalah tiang pengukuh, rukun dan syiar atau lambang agama Islam. Ia juga sebagai pembeza di antara orang beriman dengan orang yang tidak beriman, sebagai Penjaga dan Pemelihara Iman, sebagai tali perhubungan di antara hamba dengan Penciptanya, sebagai penyejuk mata dan penenang jiwa. Sembahyang merupakan sebaik-baik cara atau teknik bagi mendidik jiwa dan menyegarkan roh insan serta membentuk akhlak.

Mustafa Abd.Rahman (1989). Sembahyang dapat mendidik fikiran, hati dan jiwa manusia ke arah kesucian dan kemuliaan. Ia juga berupaya membimbing akhlak dan gerak geri hidup ke jalan sejahtera dan terpelihara daripada segala anasir yang menyebabkan kerosakkan serta terhindar daripada melakukan sebarang tindakan dan perbuatan di luar batas-batas kesopanan. Sembahyang adalah salah satu alat pendidikan yang amat penting dalam pengajaran Islam untuk aspek pembersihan dan penyucian jiwa manusia kerana kesucian hati adalah sumber segala kebaikan dan kehalusan budi.

Ta'rif Ibadah

Dari segi bahasa:

Merendah diri, tunduk, patuh dan taat

Menurut Kamus Dewan:

Bakti (khidmat) kepada Tuhan, perbuatan dan amalan yang dilakukan sebagai bukti kepada atau kerana Tuhan.

Dari segi syarak:

Taat, tunduk, patuh dan merendah diri kepada Allah
Ibadah ialah pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah.

Ibn Taimiah:

Makna asal ibadah ialah kehinaan iaitu kemuncak kehinaan diri seseorang apabila berhadapabn dengan Allah

Tafsir At-Tabari:

Maksud iabadah sebagai khusuk kepada Allah merendah diri dan tetap hati terhadapnya.

Ta'rif Sembahyang

Kamus Dewan:

Perbuatan menyembah Allah

Kitab fathul Muin:

Bahasa

Doa

Syarak

Perbuatan dan bacaan yang khusus yang dimulakan dengan takbiratul ihram dan disudahi dengan salam.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan tinjauan awal, di dapati masih ada Guru Pelatih Muslim MPBL yang tidak melaksanakan Ibadah Solat Fardhu. Ini didasarkan tinjauan awal keatas 10 orang Guru Pelatih Muslim yang telah dipilih secara rawak. Dapatannya ialah 5 dari 10 Guru Pelatih tersebut masih tidak dapat memahami dan menguasai perkara asas ibadat Solat ini.

Dapatan ini disokong melalui Program Minggu Orientasi Pelajar Baru dan Ujian Amali Agama.

1. Perasaan sedih bila melihat penglibatan warga MPBL terutama Guru Pelatih Muslim menunaikan ibadat Solat secara berjemaah.
2. Bila sesuatu program dijalankan, hanya orang tertentu atau berkaitan sahaja yang mengikutinya.
3. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, kebolehan Guru pelatih dalam membaca al-Quran kurang memuaskan.

TUJUAN KAJIAN

1. Mengenal pasti faktor pelaksanaan Guru Pelatih menunaikan Solat Fardhu (berjemaah) di Masjid al-Muallimin, MPBL.
2. Faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan ibadat Solat Fardhu 5 waktu di kalangan Guru Pelatih Islam MPBL.
3. Mengetahui latar belakang Pendidikan al-Quran Guru Pelatih Islam MPBL.

KESIGNIFIKANAN KAJIAN

- (i) Rancangan tindakan untuk membantu.
- (ii) Kurikulum boleh diperbaiki dan dikemaskini.
- (iii) Dapat bekerjasama dengan pihak JAIS, JAKIM dan pihak-pihak lain yang berkenaan.

BATASAN KAJIAN

Guru Pelatih KDPM ambilan Januari 2002.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah Kuantitatif dan Kualitatif. Sebelum itu, satu tinjauan awal tentang pelaksanaan ibadah solat fardhu di kalangan responden telah diadakan. Kajian ini melibatkan penggunaan beberapa instrumen seperti soal selidik, pemerhatian dan temu bual. Sesi temu bual diadakan bagi mendapatkan 'triangulation'

Instrumen Kajian

Soal selidik

- (i) Data Demografi
- (ii) Faktor-faktor pelaksanaan Solat Fardhu
- (iii) Latar belakang Pendidikan al-Quran

Soal selidik telah dibahagikan kepada lima bahagian. Item kajian tinjauan meliputi

- (i) Faktor yang mempengaruhi solat fardhu lima waktu berjemaah di masjid Al-Mualimin
- (ii) Faktor yang tidak menggalakkan guru pelatih untuk solat berjemaah di masjid Al-Mualimin
- (iii) Faktor yang mendorong pelaksanaan ibadah solat fardhu lima waktu di kalangan guru pelatih lelaki dan perempuan.
- (iv) Faktor yang tidak menggalakkan pelaksanaan ibadah solat fardhu lima waktu di kalangan guru pelatih lelaki dan perempuan.
latar belakang pendidikan Al-Quran responden

Temu bual

Melibatkan 18 orang responden melalui soalan yang berstruktur

Pemerhatian

Dilakukan di masjid Al-Muallimin pada waktu solat fardhu selama 3 bulan (Jun – Ogos) oleh Pensyarah JPIM, MPBL.

Persampelan

Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada 47 Guru Pelatih Perempuan dan 33 Guru Pelatih Lelaki yang sedang mengikuti Kursus Diploma Perguruan Malaysia Ambilan Januari 2002.

Analisis data

Pengiraan secara frekuensi dan peratusan digunakan untuk mengenal-pasti respon-respon Guru Pelatih terhadap faktor-faktor pelaksanaan ibadat Solat Fardhu.

HASIL KAJIAN

Jadual A: Faktor-faktor yang *mempengaruhi pelaksanaan* Solat Fardhu 5 waktu (Berjemaah) oleh Guru Pelatih Muslim MPBL di Masjid Al Mu'allimin (N=80)

Bil	Item	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
1	Pendidikan Agama	11 13.8%	34 42.5%	35 43.8%
2	Jarak	38 47.5%	24 30.0%	18 22.5%
3	Kemudahan di Masjid	35 43.8%	30 37.5%	15 18.8%
4	Pengaruh Rakan	15 18.8%	44 55.0%	21 26.3%
5	Program / Aktiviti di Masjid	10 12.5%	48 60.0%	22 27.5%
6	Amalan Dalam Keluarga	16 20.0%	38 47.5%	26 32.5%
7	Bacaan Imam	33 41.3%	34 42.5%	13 16.3%
8	Bilik Sempit	66 82.5%	13 16.3%	1 1.3%
9	Amalan di Kampung	25 31.3%	45 56.3%	10 12.5%
10	Pensyarah	33 41.3%	31 38.8%	16 20.0%
11	Tahu tentang kelebihan solat berjemaah	12 15.0%	33 41.3%	35 43.8%
12	Jamuan	38 47.5%	29 36.3%	13 16.3%

Daripada jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa lima faktor yang mempengaruhi pelaksanaan ibadah solat fardu.

- a) Pendidikan agama
- b) Tahu tentang kelebihan solat berjemaah
- c) Program/aktiviti di masjid
- d) Amalan dalam keluarga
- e) Pengaruh rakan


Dapatan di atas menunjukkan bahawa faktor pendidikan agama amat mempengaruhi pelaksanaan ibadah solat fardhu di kalangan responden (86.3%)

Dapatan ini disokong oleh data yang diperolehi melalui temu bual yang dijalankan ke atas 18 orang.

“Saya rasa faktor atau sebab yang mendorong saya pergi sembahyang berjemaah adalah kerana ia satu kewajipan bagi umat Islam dan pahala yang diperolehi tentu lebih daripada sembahyang secara individu” (R8)

(tahu tentang kelebihan sembahyang jemaah)

Dapatan di atas juga menunjukkan bahawa faktor bilik sempit bukan penghalang kepada soalan pelaksanaan ibadah Solat Fardhu berjemaah di kalangan guru pelatih, MPBL. Ini ditunjukkan dengan 82.5% responden yang tidak setuju.



Jadual B: Faktor-faktor yang *tidak menggalakkan* Guru Pelatih Muslim MPBL untuk Solat Berjemaah di Masjid Al Muallimin (N=80)

Bil	Item	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
1	Bebanan tugas kuliah	28 35.0%	42 52.5%	10 12.5%
2	Pengaruh rakan	35 43.8%	35 43.8%	10 12.5%
3	Media massa	41 51.3%	31 38.8%	8 10.0%
4	Keceriaan masjid	57 71.3%	22 27.5%	1 1.3%
5	Tidak pandai membaca Al Quran	59 73.8%	17 21.3%	4 5.0%
6	Malu bergaul	68 85.0%	12 15.0%	0 0.0%
7	Tiada Surau atau Masjid di Kampung	74 92.5%	6 7.5%	0 0.0%
8	Aktiviti Maktab	30 37.5%	44 55.0%	6 7.5%
9	Tidak pernah melibatkan diri dalam aktiviti agama	56 70.0%	21 26.3%	3 3.8%
10	Kurang membeli atau membaca bahan-bahan agama	41 51.3%	33 41.3%	6 7.5%
11	Ada sakit berjangkit	61 76.3%	18 22.5%	1 1.3%

Jadual di atas menunjukkan bahawa faktor-faktor berikut merupakan faktor terpenting mempengaruhi pelaksanaan ibadah Solat terutama yang tidak menggalakkan:

- (i) Beban tugas
- (ii) Pengaruh rakan
- (iii) Media massa


Dapatan menunjukkan seramai 10 orang responden (12.5%) mengatakan amat setuju beban tugas menghalang pelaksanaan ibadah Solat jemaah di masjid. Seramai 42 orang responden 52.5% mengatakan setuju manakala 28 orang (35.0%) mengatakan tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa ramai responden tidak Solat berjemaah kerana beban tugas. Selain itu 35 orang responden (43.8%) mengatakan setuju bahawa pengaruh rakan sebagai faktor negatif dalam pelaksanaan ibadah Solat.

Berdasarkan temu bual dengan responden, data menunjukkan bahawa kebanyakan Guru Pelatih setuju dan mengatakan beban tugas terutama kerja kursus dan kuliah banyak mempengaruhi minat mereka melaksanakan ibadah Solat Fardu di masjid. Berikut menunjukkan respon Guru Pelatih terhadap faktor-faktor yang tidak menggalakkan mereka ke masjid.

“saya setuju bebanan tugas kuliah adalah salah satu faktor Guru Pelatih Muslim tidak berkesempatan untuk Solat berjemaah di masjid.” (R5)

“...setuju , banyak tugas menyebabkan letih dan malas” (R4)

Dapatan juga menunjukkan faktor malu dan tiada kemudahan surau/masjid tidak begitu mempengaruhi minat responden ke masjid.




Berdasarkan Jadual C menunjukkan bahawa faktor-faktor kesedaran diri, mendapat ketenangan dan kedamaian, rajin mendengar kuliah agama, Iman dan Taqwa mendorong pelaksanaan ibadah Solat Fardhu di kalangan responden.

Dapatan menunjukkan seramai 52 orang responden (65%) mengatakan amat setuju kesedaran diri mendorong pelaksanaan ibadah Solat Fardhu 5 waktu. Seramai 27 orang responden (33.8%) mengatakan setuju manakala 1 orang responden (1.3 %) mengatakan tidak setuju. Data juga menunjukkan seramai 45 orang responden (56.3%) mengatakan amat setuju. 29 orang responden (36.3%) mengatakan setuju manakala 6 orang responden (7.5%) mengatakan tidak setuju, bagi faktor mendapat ketenangan dan kedamaian.

Data menunjukkan bahawa faktor pengkhususan (opsyen) responden tidak mempengaruhi faktor pelaksanaan ibadah Solat Fardhu. Seramai 65 orang responden (81.3%) mengatakan tidak setuju, 13 orang responden (16.3%) mengatakan setuju, manakala 2 orang responden (2.5%) mengatakan amat setuju.

Jadual C: Faktor-faktor yang *mendorong pelaksanaan* ibadat Solat Fardhu 5 waktu (Individu) di kalangan Guru Pelatih Muslim lelaki dan perempuan MPBL (N=80)

Bil	Item	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
1	Kesedaran diri	1 1.3%	27 33.8%	52 65.0%
2	Pengaruh rakan	16 20.0%	53 66.3%	11 13.8%
3	Pengetahuan tentang solat	9 11.3%	36 45.0%	35 43.8%
4	Latar belakang keluarga	12 15.0%	44 55.0%	24 30.0%
5	Boleh membaca al Quran	10 12.5%	48 60.0%	22 27.5%
6	Mendapat ketenangan dan kedamaian	6 7.5%	29 36.3%	45 56.3%
7	Rajin mendengar kuliah / ceramah / syarahan agama	4 5.0%	51 63.8%	25 31.3%
8	Rajin membeli dan membaca buku-buku agama	10 12.5%	55 68.8%	15 18.8%
9	Iman dan Taqwa	9 11.3%	31 38.8%	40 50.0%
10	Umur.	43 53.8%	27 33.8%	10 12.5%
11	Jenis pengkhususan (opsyen) di maktab	65 81.3%	13 16.3%	2 2.5%



Berdasarkan temu bual dengan responden, data menunjukkan bahawa kebanyakan Guru Pelatih setuju dan mengatakan beban tugas terutama kerja kursus dan kuliah banyak mempengaruhi minat mereka melaksanakan ibadah Solat Fardhu di masjid. Berikut menunjukkan respon Guru Pelatih terhadap faktor-faktor yang tidak menggalakkan mereka ke masjid.

Jadual D: Faktor-faktor yang *tidak menggalakkan pelaksanaan* ibadah Solat Fardhu 5 waktu di kalangan Guru Pelatih Muslim lelaki dan perempuan MPBL (N=80)

Bil	Item	Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju
1	Latar belakang pendidikan	50 62.5%	26 32.5%	4 5.0%
2	Pengaruh rakan	13 16.3%	51 63.8%	16 20.0%
3	Tiada kesedaran	19 23.8%	47 58.8%	14 17.5%
4	Bebanan tugas kuliah	25 31.3%	46 57.5%	9 11.3%
5	Pengaruh mediamassa	34 42.5%	36 45.0%	10 12.5%
6	Tidak pandai membaca Al-Quran	50 62.5%	26 32.5%	4 5.0%
7	Malu	60 75.0%	17 21.3%	3 3.8%
8	Malas	30 37.5%	32 40.0%	18 22.5%
9	Tempat tidak selesa	74 92.5%	5 6.3%	1 1.3%
10	Tiada kelengkapan untuk bersolat	72 90.0%	5 6.3%	3 3.8%
11	Asuhan keluarga	40 50.0%	34 42.5%	6 7.5%
12	Jarang mengikuti program keagamaan	25 31.3%	52 65.0%	3 3.8%

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa faktor-faktor pengaruh rakan, malas dan jarang mengikuti program agama dan beban tugas sebagai faktor tidak menggalakkan pelaksanaan ibadah Solat Fardhu 5 waktu di kalangan responden.


Dapatan menunjukkan seramai 18 orang responden (22.5%) mengatakan amat setuju faktor malas tidak menggalakkan pelaksanaan ibadah Solat Fardhu 5 waktu. Seramai 32 orang responden (40.8%) mengatakan setuju manakala 30 orang responden (37.516) mengatakan tidak setuju. Data juga menunjukkan seramai 16 orang responden (20%) mengatakan amat setuju. 51 orang responden (63.8%) mengatakan setuju manakala 13 orang responden (16.3%) mengatakan tidak setuju, bagi faktor pengaruh rakan.

Berdasarkan temu bual dengan responden data menunjukkan bahawa kebanyakan Guru Pelatih setuju dan mengatakan beban tugas terutama kerja kursus dan kuliah serta malas banyak mempengaruhi minat mereka melaksanakan ibadah Solat Fardhu di masjid. berikut menunjukkan respon guru pelatih terhadap faktor-faktor yang tidak menggalakkan mereka ke masjid.

“saya rasa banyak kerja yang perlu disiapkan ...kadang-kadang terpaksa bertembung dengan program maktab yang wajib dihadiri” (R14)

“saya setuju bebanan tugas kuliah adalah satu faktor pelatih muslim tidak berkesempatan sembahyang di masjid Al-Mualimin “ (R12)

“pada pendapat saya faktor yang utama yang menyebabkan seorang guru pelatih tidak menunaikan soalt lima waktu ialah kerana tiadanya pendedahan agama dari peringkat awal dan kedua adalah kerana kemalasan guru pelatih sendiri” (R9)



Latar belakang pendidikan Al - Quran guru pelatih muslim MPBL

Tandakan (√) pada petak yang berkenaan

1. Pernahkah saudara / saudara belajar Al-Quran

Pernah	Tidak pernah
N=76	N=4
95%	5%

Berdasarkan jadual 1 di atas kebanyakan responden pernah belajar Al-Quran iaitu 95%

2. Sekolah asal

SK	SRJK	SRB	Lain
N=64	N=0	N=12	N=4
80%	0%	15%	5%

Berdasarkan jadual 2 di atas kebanyakan responden mendapat pendidikan tentang Al-Quran dari sekolah kebangsaan. 15% dari sekolah rendah bantuan sementara 5% dari sekolah-sekolah lain.

3. Adakah terdapat surau / masjid ditempat saudara/ saudara

Ada	Tiada
N=78	N=2
97.5%	2.5%

Berdasarkan jadual 3 di atas kebanyakan responden mengatakan terdapat surau/masjid di tempat mereka.

4. Pernahkah anda terlibat dengan aktiviti-aktiviti pembacaan Al-Quran

Pernah	Tidak Pernah
N=57	N=23
71.2%	28.7%

Berdasarkan jadual 4 di atas kebanyakan responden (71.2%) pernah terlibat dengan aktiviti-aktiviti pembacaan Al-Quran

RUMUSAN DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, terdapat 3 faktor utama yang **menggalakan pelaksanaan ibadah Solat fardhu secara berjemaah di masjid** di kalangan responden iaitu pertama ialah Pendidikan Agama (43.8%), keduanya Pengaruh rakan Sebaya (55.0%) dan ketiga Program/Aktiviti Masjid (60.0%).

Faktor-faktor yang **tidak menggalakkan responden datang berjemaah di masjid**, kajian mendapati terdapat 3 faktor yang paling dominan iaitu pertama ialah bebanan tugas kuliah (52.5%), keduanya pengaruh rakan sebaya (43.8%) dan ketiganya ialah aktiviti maktab (55.0%).

Cadangan:

1. Melengkapkan masjid al-Muallimin MPBL dengan pelbagai prasarana untuk proses P&P.
2. Pembelajaran Pendidikan Agama Dinamika dilaksanakan di Masjid al-Muallimin melalui jadual pembelajaran secara pakej pada semester depan.
3. Menyediakan jadual tugas khusus dan daftar kehadiran bagi setiap aktiviti keagamaan di masjid al-muallimin.

Dari segi faktor yang mendorong pelaksanaan Solat fardhu 5 waktu di kalangan responden, didapati 4 faktor yang paling dominan iaitu kesedaran diri (65%), pengaruh rakan (66.3%), Rajin mendengar kuliah agama (63.8%) dan rajin membeli dan membaca buku-buku agama (68.8%).

Didapati dalam kajian ini, responden tidak dapat memberi alasan yang munasabah berkenaan dengan sebab mendorong pelaksanaan ibadat solat fardhu iaitu faktor ke-5 iaitu kebolehan membaca al-Quran, faktor ke-6 iaitu mendapat ketenangan dan kedamaian, dan faktor ke-9 iaitu iman dan taqwa. Kemungkinan masalah ini ada kaitan dengan kurangnya membaca buku-buku agama serta mendengar kuliah agama dan ini memberi impak terhadap pola pemikiran dan falsafah tentang ibadah solat itu sendiri.

Cadangan:

1. Kurikulum Pendidikan Agama Dinamika perlu diadakan setiap semester bagi meningkatkan kesedaran dan kepekaaan terhadap kepentingan ibadah solat.
2. Mengadakan kelas-kelas fardhu Ain dan membaca Al-Quran
3. Memperbanyakkan bahan-bahan bacaan agama di perpustakaan/jabatan

4. Memeperbaiki teknik dan pendekatan berdakwah
5. Memwujudkan pertandingan-pertandingan yang berasakan kumpulan sempena perayaan/hari kebesaran Islam.

BIBLIOGRAFI

- Al-Quran
- Abu A'la al-Maududi. (1976). *Asas-Asas Islam*. Dewan Pustaka Fajar.
- Abd Halim Mahmud. (1981). *Isra' dan Mi'raj: Satu Analisa Baru*. Terbitan Pustaka National Singapura.
- Abd Rahman Abdullah. (1996). *Pendidikan Al-Quran Membina Minda Dan Jiwa Cemerlang*. Terbitan Perniagaan Jahabarsa.
- As Sheikh Zainuddin al-Malbari. (1922). *Fathul Muin*. Terbitan Syarikat Mustafa al-Halabi, Mesir.
- Fathi Yakan. (1983). *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*. Pustaka Salam.
- Kamus Dewan. (1994). Edisi Ketiga. Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohamed Jusuh. (1990). *Panduan Ibadah*. Terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- Mustafa Abdul Rahman. (1989). *Hadith 40 Terjemahan Dan Syarahannya*. Terbitan Dewan Pustaka Fajar.
- Mustafa Mashur. (1987). *Al-Hayati Mihrabis Solat*. Darul Tauzik Wa An Nasrul Islamiyah, Mesir.